

# Hasil baja organik

PPSPPA perkenal program pengkomposan sisa makanan kurangkan pembebasan gas metana

>>Oleh Norfaisal Jahuri  
am@hmetro.com.my

**M**ELAKA: Disebabkan gas metana yang terhasil akibat pereputan sisa organik 24 kali ganda lebih berbahaya daripada karbon monoksida, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) negeri mengadakan program pengkomposan sisa makanan kepada penduduk di negeri ini.

Usaha dilakukan PPSPPA itu bukan saja dapat menyelamatkan bumi daripada terus mengalami kesan rumah hijau akibat pembebasan gas metana, malah memberi kebaikan kepada orang ramai kerana dapat menghasilkan baja organik untuk kegunaan tanaman mereka.

Pengarah PPSPPA negeri, Zainuddin Abd Samad berkata, usaha itu selaras dengan misi perbadanan sejak beroperasi di negeri ini iaitu meningkatkan kesedaran awam terhadap pentingnya pengurusan sisa dengan sempurna bagi mengurangkan bahan buangan.

Beliau berkata, ramai tidak



**SEMULA JADI...Zainuddin (kiri) menunjukkan baja kompos dihasilkan di rumah.**

mengetahui 40 peratus daripada sisa buangan di tapak pelupusan membabitkan sisa organik dengan sebahagian besarnya makanan dan jika dibiarkan mereput secara se-

mula jadi gas metana dihasilkan, sekali gus memberi kesan buruk kepada alam sekitar akibat penipisan lapisan ozon.

"Gas ini amat berbahaya,

jadi kami mahu memberi kesedaran dan mendidik masyarakat untuk melaksanakan program ini dengan menggunakan teknik Takakura yang diguna pakai di bandar raya Kitakyushu di Jepun.

"Teknik itu diaplikasikan dengan kaedah semula jadi apabila menguraikan bahan organik seperti sisa makanan dan kebun menerusi tindak balas mikro organisma yang bertindak balas dengan bahan berkenaan.

"Kami mengadakan sesi latihan kepada masyarakat secara berkumpulan dan di sekolah dengan menunjukkan cara menyediakan tempat pengkomposan berskala kecil di rumah bagi kegunaan domestik," katanya, di sini.

Zainuddin berkata, latihan ditunjukkan termasuk cara membuat mikrob, tempat penguraian dan bahan campuran untuk menguraikan sisa organik itu.

Katanya, bagi kegunaan di rumah, mereka hanya perlu menggunakan bakul yang biasa digunakan ke pasar atau kotak dan mencampurkan sama ada sekam padi, habuk kayu atau tanah dengan larutan mikrob iaitu

kombinasi campuran antaranya tempe, yis, cendawan serta air yang sudah menjalani proses penapaian selama tujuh hari.

"Campuran itu dimasukkan ke dalam bekas sebelum sisa organik dicampur dan ia reput dengan tindak balas mikro organisma," katanya.

Beliau berkata, program ini turut dilakukan secara berskala besar oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini, Jabatan Penjara dan Pusat Pemulihan Narkotik (Puspen) untuk menghasilkan baja kompos bagi kegunaan mereka.

Katanya, sampel baja kompos itu turut dihantar ke Universiti Putra Malaysia (UPM) dan kajian dilakukan mendapati kandungan nutriennya lebih tinggi dan sesuai untuk pertumbuhan pokok sejak awal lagi.

"Kegunaannya secara berlebihan tidak berbahaya atau memudaratkan tumbuhan, malah lebih subur lagi.

"Sekiranya masyarakat melakukan kitar semula dan pengkomposan, sudah tentu tapak pelupusan dapat dipanjangkan jangka hayatnya," katanya.